

Bintang Dua-Belas

Shakir masih terpasak di mejanya, merenung lopong ke dinding pejabat. Bingkai-bingkai anugerah seperti menjelirkan lidah-lidah mereka, mengejek dan mengajuk, menyaratkan lagi rintihan jiwanya. Lampu meja buatan Sweden samar-samar memancarkan sinar, menerangi ijazahnya yang diraih dari MIT. Sangkanya dahulu, ijazah dari institut teknologi di Massachusetts ini tentulah tiket ekspres untuknya melangkaui mercu kejayaan. Ramai lulusan MIT gegas diburu para gergasi Silicon Valley, dan ramai juga yang melahirkan syarikat-syarikat teknologi yang mencecah aset berbilion dolar. Shakir juga pernah menyemai impian serupa. Biarpun impiannya bersilang-lingkar di sebalik jaring-jaring orde dunia baru.

Lantas sekembalinya ke tanahair tujuh tahun lalu, beliau lekas bertemu dengan sahabat baiknya, Asyif. Mereka sepakat mahu mulakan niaga bersama. Asyif, lulusan MBA dari Harvard bercadang untuk menerajui pasaran sofwe di rantau Nusantara. Katanya, rantau ini kekontangan app Melayu yang bermutu. Tidak mustahil untuk mendaki tangga nombor satu. Shakir bersetuju.

Malangnya visi mereka berdua kini jauh melencong. Tangga pendakian semakin condong. Syarikat mereka terumbang-ambing di ambang lemas. Petang tadi, Asyif baru sahaja melayangkan sepucuk surat amaran ke atas meja Shakir. Surat datangnya dari kumpulan pelabur yang telah menanamkan 1.5 juta dolar ke dalam syarikat mereka.

Suratnya ringkas. Tidak perlu mukadimah berbunga-bunga. Terus meluru mengingatkan Shakir dan Asyif supaya melancarkan aplikasi fon pintar yang mampu menerajui pasaran dengan segera. Garis matinya 6 bulan. Sekiranya gagal lagi, pelaburan jadi lebur dan syarikat mereka tentunya akan terbenam mufliis. Kumpulan pelabur mereka sudah mula hilang sabar.

“Kir, ini mungkin percubaan kita yang terakhir. Kita mesti selamatkan syarikat ini. Esok kita adakan mesyuarat tergempar, sama-sama perah otak, buat kajian pengguna yang baru. Buang semua idea-idea lama,” Asyif menasihati rakan baiknya, yang dulu dikenali semenjak bangku sekolah rendah. Nadanya keluh.

“Aku betul hampa, Syif. Dulu aku fikir, gandingan kita berdua mesti berhasil. Apakan tidak, ijazah kita bukan calang-calang. Sepatutnya dah jadi jutawan, terbitkan buku motivasi, sibuk rancang seminar sana-sini,” Shakir menggeleng-gelengkan kepala.

“Kita nak berniaga kenalah cecal hadapi kegagalan. Seperti kata wira-wira niaga kita, gagal cepat dan gagal selalu. Gagal bererti pintu kejayaan makin terbuka,” Asyif terbayang mitos burung *phoenix* yang putaran hidupnya mati terbakar kemudian lahir semula dari kepulan abu.

“Baiklah, begini. Kau beri aku tempoh lagi 4 minggu untuk buat kajian akhir untuk aplikasi terbaru kita. Sekiranya *beta test* kurang memuaskan, kita terpaksa bersiap-siap hadapi kemungkinan paling buruk,” Shakir mengemis sedikit lagi waktu pada rakannya sendiri, yang juga beroperasi sebagai Ketua Pegawai Kewangan syarikat. Kerongkongnya bagai tercerut.

“Boleh Kir, 4 minggu sahaja. Aku pulang dahulu. Isteriku pun sudah lama tunggu. Jangan lupa matikan suis lampu dan *aircon* nanti.”

Asyif pun sudah lama hilang dari pandangan, namun Shakir masih lagi berketak-ketuk di hadapan komputernya cuba memerah ilham untuk konsep aplikasinya yang terbaru. Ini bukanlah kali pertama syarikat mereka mengeluarkan sofwe jenis aplikasi fon pintar. Sudah 11 kesemuanya, namun belum ada satu pun yang mampu memecahkan rekod pasaran. Yang aplikasi memasak lain, yang aplikasi bersenam lain, aplikasi alih bahasa lain dan yang paling berpotensi sekali ialah aplikasi permainan melastik itik – itupun hanya mampu mencatat jumlah muat turun sebanyak

1,500 kali sahaja. Belum cukup untuk mengembalikan keyakinan para pelabur mereka.

Dalam kekhusyukan melungsur laluan forum-forum sosial, tiba-tiba terbunyi deringan nada *WhatsApp*. Ada pesanan ringkas dari Ibu. “Kir, kalau ada masa singgah rumah. Arwah Tok Ali ada tinggalkan Kir peti”.

Peti apa? Peti harta ke? Hati Shakir terbeku sedetik dua. Mungkinkah peti ini ada sembunyikan peta jalan keluar dari kesempitan yang menghimpitnya sekarang.

“K,” jawabnya lebih ringkas.

Arwah Tok Ali adalah datuk saudaranya. Adik kepada neneknya. Baru sahaja selesai kenduri kematian 3 bulan yang lalu. Arwahnya tidak pernah berkahwin dan berzuriat. Hidup membujang hingga ke akhir nafasnya. Dengar-dengar dari mulut orang, Tok Ali ini dulu tukang ubat yang handal. Sakit yang nampak ke, yang ghaib ke, semuanya ada berpunca dan ada penawarnya.

Shakir pun pernah satu ketika berubat dengan Tok Ali waktu remaja dahulu. Ada tersampuk benda halus semasa pergi berkhemah di tepi pantai bersama rakan-rakan. Kata Tok Ali, benda anu agaknya berkenan sangat dengannya hinggan menempel sampai ke rumah. Apabila diusir suruh pulang ke petala mana ia bertenggek, berdegil pula. Lalu disemburnya air jampi berselang-seli dengan mentera serapah, dari hujung kepala ke hujung kaki si Shakir, sampailah menggigil macam burung kesejukan mengigal ditanggalkan bulunya.

“Kalau kau tak mahu pulang, aku ganyang kau hidup-hidup!” Masih ingat lagi suara garau Tok Ali menengking gangguan halus itu dulu.

Selesai menjangkau alam remaja, Shakir pun tidak lagi diganggu elemen-elemen dari dimensi lain.

Perhubungan Shakir dengan datuk saudaranya juga cukup mesra, seperti ada pertalian anak dan bapa. Seringkali, Tok Ali mengajaknya melawat ke tempat-tempat yang pelik-pelik belaka.

Adakalanya ke keramat wali-wali, ada ketika pula ke pulau bekas tahanan pesakit gila, ada juga satu masa di mana mereka berdua menziarah kubur cina. Namun, sejak Shakir mula belajar di Amerika Syarikat, mereka jarang sekali bertemu dan renggang bertegur sapa.

Fikirnya, esok juga akan bertandang ke rumah Ibu. Mahu tengok-tengok juga apalah inti peti yang Tok Ali wasiatkan kepadanya.

Maka, pagi-pagi lagi Shakir sudah sampai di muka pintu rumah Ibu. Setelah bersalaman dan bertukar khabar sepatah dua, segeralah Shakir bertanyakan hal peti peninggalan Tok Ali.

“Ibu, mana peti yang Ibu cakap semalam?” Shakir tidak perlu malu menyembunyikan keghairahannya.

“Ada dalam bilik lama kau. Ini kunci mangganya. Ibu pun belum sempat selongkar. Memang Tok Ali amanahkan kalau dia dah tinggalkan kita, peti ini harus dijatuhkan pada Kir. Pergilah tengok apa harta yang kau dapat, entah-tah ada bongkah emas ke,” ibunya sinis menggesa.

Shakir pun dengan ligat seperti meloncat, masuk mencari peti pusaka itu. Tidaklah sebesar yang disangka. Panjangnya mungkin sebidang dada, lebarnya setengah kaki begitulah. Buatan kayu kemerah-merahan, tetapi kurang pasti jenis yang macam mana. Ada ukiran awan larat menghiasi permukaan peti itu. Cantik seni tukangnyanya. Mesti kerja tangan orang Melayu.

Kunci diselitkan ke dalam mangga, dan dengan penuh debaran beliau membuka bahagian atas peti itu. Kejutannya bertemu hampa. Yang di dalam peti itu cumalah beberapa lembaran buku dan kitab-kitab klasik dalam tulisan Jawi. Ada sebuah bekas tembikar, bentuknya macam sejenis labu

sayung. Dalam bekas itu ada disimpan kepingan syiling zaman jajahan Inggeris. Ahh, mungkin ini yang berharga. Shakir menggosok-gosok wajah Ratu yang kusam. Cepat-cepat diandaikan taksiran. Kalau untung sabut, mungkin syiling-syiling ini dapat mencecah belasan ribu. Alahai, tidak mungkin cukup untuk menyelamatkan syarikat aku, bisiknya sendiri.

Hatinya tidak puas. Masakan Tok Ali cuma tinggalkan ini sahaja untuk aku. Shakir periksa buku-buku Jawi itu sekali lagi. Ada lima kitab kesemuanya, tebal-tebal belaka, namun antaranya ada satu yang seolah-olah punya tarikan besi sembrani. Shakir menarik kitab tersebut keluar dan mula bersila panggung. Diletakkan di atas riba dan cuba mengeja tajuknya. Kaf-ta-ba, Ki-tab, A-bu, Ma-shar, Al, Fa-la-ki. Merangkak-rangkak betul bacaannya. Entah kali terakhir beliau membaca tulisan Jawi mungkin sewaktu di madrasah mingguan semasa zaman kanak-kanak dahulu.

Setahunya, ilmu falak adalah ilmu bintang, ilmu astronomi. Ramai filsuf Arab di zaman keemasan Islam memang terkenal dengan pengajian mereka dalam bidang ini. Antaranya pemikir Islam yang tersohor, iaitu Al-Khawarizmi, beliau sendiri telah mengarang beberapa buku tentang astronomi dan pernah mengukur lingkaran bumi sebelum wafatnya pada tahun 847 Masihi.

Shakir memang telah lama kenal dan kagum dengan sumbangan Al-Khawarizmi dalam bidang matematik. Apakan tidak, sebagai seorang pencipta perisian komputer, beliau tentulah fasih dalam bahasa kod binari, iaitu 1 dan 0. Dan siapalah sang penemu angka sifar kalau bukan Al-Khawarizmi sendiri. Titik mula bahasa komputer yang asalnya lebih seribu tahun dahulu.

Namun, kitab ini bukanlah karangan wiranya. Dari kulit buku itu, Shakir mudah meneka yang si penulis namanya Abu Mashyar, dan Al-Falaki tentulah cerminan intipati kitab itu. Shakir terus membelek-belek mukasurat seterusnya. Dilihat ada rajah-rajah misteri diselang-selikan dengan keterangan yang berjela-jela.

Beliau terhenti di satu halaman apabila terpancang sebuah rajah bulatan dengan garis-garis yang dibahagi kepada dua belas bahagian. Biar pun perlahan, beliau cuba sedaya-upaya mengeja setiap kata rujuk pada setiap bahagian - *Hamal, Tsur, Jauza, Sirton, Asad, Sanabila, Mizan, Akrob, Kaus, Jadyun, Dali* dan *Hut*. Dan sepuluh minit kemudian, barulah Shakir dapat meluahkan sebutan tajuk di bawah rajah itu - 'Wa-tak dan Ra-ma-lan Na-sib Ma-nu-sia Ber-da-sar-kan Bin-tang'.

Ahh, ini bunyinya seperti panduan horoskop zaman dulu-dulu. Deras pernafasannya meningkat kencang sedikit dari biasa. Shakir memang minat dengan ilmu-ilmu esoterik sebegini. Dikeluarkan *iPhone* dari koceknya dan langsung menghidupkan pencarian Google. Beliau menaipkan nama pengarang. Harap-harap sudah ada kajian dalam talian perihal kitab ini.

Girang jiwanya apabila jentera Google menghasilkan beberapa tapak sesawang yang berkenaan langsung dengan pengarang Abu Mashyar dan kitab falaknya. Shakir cepat-cepat mencerna bahan kajian dengan seimbabas. Dari amatan ringkas, kitab ini terbahagi kepada 6 bahagian dan menggunakan tarikh lahir dan bintang seseorang untuk meramalkan beberapa perkara. Antaranya termasuklah ramalan saat yang baik untuk belayar, meminang seseorang, menulis azimat dan sebagainya.

Daya mental Shakir terus bergerak secara automatik. Pintarnya langsung melakar garis-garis panduan dari dalam kitab yang boleh dipindahkan ke alam maya. Beliau mengeluarkan pena dan buku catatan dan cepat mengatur kod asalnya atau *source code*, dan mula membayangkan bagaimana kaedah ramalan masyarakat dahulu boleh diubahsuaikan untuk aplikasi fon bijaknya.

Shakir mula mengukir senyum. Kesedaran mula meresap ke dalam jiwanya. Nah, Tok Ali tinggalkan aku lombong emas rupanya. Sangkak bulu roma apabila memikirkan firasat Tok Ali. Tepat pada masa yang betul-betul diperlukan.

Shakir mencapai fonnya sekali lagi dan mencari nombor pembantu peribadinya.

“Hello Nisha, selamat pagi, saya ada tugas penting untuk awak. Tolong carikan saya *freelancer* yang fasih membaca tulisan Jawi, kemudian taip kembali dalam tulisan Rumi. Lebih kurang 90 mukasurat, 200,000 perkataan. Ya, secepat mungkin. Kalau boleh dalam seminggu. Terima kasih, ya. Jumpa awak di pejabat nanti.”

Sekembalinya di pejabat, Shakir terus menghimpunkan kesemua ketua-ketua bahagian. Susan, pengarah kreatif, Zahid, pengarah pemasaran, Ramesh, selaku *lead developer* dan juga Nisha, pembantunya. Beliau juga menyeru Asyif untuk turut serta dalam mesyuarat.

“Rakan-rakan, saya ada berita baik dan penting untuk dikongsi. Saya mahu melancarkan *app* terbaru kami yang akan menjadi jenama utama syarikat ini. *This will be our flagship product.* Aplikasi ini saya namakan 'iNujum' dan saya mahu kembangkan *app* ini untuk kegunaan IOS dan juga *Android.*”

Reaksi dari orang-orang kuatnya nampak memberangsangkan. Mereka bersarang pelbagai soalan tetapi membiarkan Shakir terus sahaja melanjutkan bicara.

“Ya, *app* ini akan menggunakan kaedah ilmu astronomi kajian orang Arab zaman dahulu, dan meramalkan nasib seseorang berdasarkan tarikh lahir dan kedudukan bintangnya. Lebih kurang seperti panduan horoskop. Saya tahu memang sudah banyak *app* berbentuk astrologi dalam pasaran. Tapi *app* kita akan lebih khusus kepada ramalan tentang saat yang baik atau yang nahas untuk seseorang. Misalnya, adakah selamat untuk belayar minggu hadapan? Apakah bagus untuk berkahwin bulan depan, dan sebagainya.”

Shakir meneruskan penerangannya. Yang lain mengangguk-angguk tanda setuju dan riak wajah mereka nampak tertarik dengan konsep aplikasi ini.

“Kod asalnya akan digubah berdasarkan manuskrip lama yang saya baru terjumpa. Tulisannya dalam Jawi tapi sedang diterjemahkan dalam tulisan Rumi. Mungkin dalam seminggu dua, akan selesai. Selepas itu saya akan berikan tugas yang lebih terperinci kepada awak semua. Saya harap kita dapat lancarkan iNujum untuk fasa *beta* dalam jangka masa 4 bulan.”

Setelah menjawab beberapa lagi soalan dari kakitangannya, Shakir pun menamatkan sesi mesyuarat, namun Asyif tinggal sebentar untuk bersendirian dengan rakannya.

“Wah Kir, baru semalam dapat surat amaran. Hari ini kau dah dapat ilham ke? Cepat betul kepala kau berpusing,” Asyif menyakat.

“Itulah Syif, macam pucuk dicita ulam mendatang. Kalau kau nak tahu, aku dapat bantuan dari alam barzakh!” Shakir ketawa perlahan dan terus melanjutkan cerita tentang peti Tok Ali yang ditemuinya pagi tadi.

Asyif menepuk-nepuk bahu rakannya, “Aku yakin dengan konsep *app* iNujum kita ini. Aku juga percaya dengan kebolehan kau. Lagi 4 bulan, kita tinjau lagi kemajuan syarikat kita, ok?”

Maka hari-hari yang menyusul menjadi singkat. Shakir dan tenaga kerjanya sibuk menyiapkan hasil titik peluh dan keringat mereka. Dari susunan kod hingga ke rekaan *interface*, Shakir memantau semua geraf kemajuan dengan teliti. Akhirnya *app* iNujum siap untuk memasuki fasa *beta test* setelah 4 bulan dalam pembikinan.

Sesampainya hari pelancaran, Shakir dan Asyif mengaturkan jamuan ringkas di pejabat. Tanda

terima kasih kepada kakitangan mereka. Setelah berbulan bersengkang mata dan mengorbankan masa tidur dan libur masing-masing.

Dalam kegamatan suasana, Asyif berdiri di atas kerusi untuk membuat pengumuman.

“Rakan-rakan, saya dan Shakir amat berterima kasih atas komitmen anda semua. Esok pagi saya akan ke Hong Kong bertemu dengan ketua pelabur kami. Saya akan membentangkan rancangan pemasaran untuk *app* kita yang terbaru ini. Saya berharap akan pulang dengan pelaburan baru.. sebanyak 5 juta dolar... ya, ini bermakna bonus besar untuk semua!”

Pejabat mereka bergemuruh dengan sorakan dan tepukan riang. Wajah-wajah girang cepat mengisi aura syarikat mereka dengan semangat baru dan optimisme. Menyelubungi kesuraman yang melanda empat bulan yang lalu. Masa depan kembali cerah dan bertenaga.

Kemeriahan menyambut pengumuman baru itu beransur lengang selepas semua kakitangan mula beredar satu-persatu. Kembali ke dakapan yang tersayang. Kembali menyambung rehat. Asyif pun sudah berlalu kerana esok pagi-pagi lagi beliau akan berangkat. Namun Shakir masih belum bersedia untuk pulang. Beliau tinggal keseorangan di pejabat, menarik-hela kelegaan di dalam kedinginan malam.

Kelopak matanya mula terasa layu dan kuyu. Beliau merebahkan punggungnya di atas sofa empuk di bilik pantri. Mungkin kerana sudah berbulan tidak cukup tidur, Shakir terus melabuhkan diri dan melapangkan kepalanya. Dalam seminit dua, beliau terus belayar ke dalam alam mimpi.

Keenakan lenanya terbantut apabila beliau terjaga. Waktu di jam tangan menunjukkan pukul 7. Sudah pagi rupanya. Seperti baru terlelap sejam dua. Sedang kepalanya berseronok sementara, tiba-tiba hati Shakir tergerak mahu mencapai fonnya untuk memastikan sesuatu.

App iNujum dilancarkan, kemudian beliau menekan masuk tarikh lahir kawannya Asyif. *App* itu kemudian bertanya apakah tujuan ramalannya. Tertera beberapa pilihan, di antaranya ialah 'Pelayaran'. Shakir pun memicit pilihan itu dan mengisi tarikh hari ini. Lantas iNujum pun mencerna maklumat diberikan dan mula mengolah ramalannya berdasarkan algoritma asal dari kitab Abu Masyhar Al-Falaki itu.

Layar fonnya menunjukkan proses perisian...10%...35%...75%...99%..... dan akhirnya siap...

“BENCANA AKAN MENIMPA JIKA ANDA BELAYAR DI TARIKH INI”

Matanya terbeliak seperti tidak percaya. Tengukunya kejang cuba menelan liur yang tersendat di dalam paip kerongkongnya. Apakah *app* ini baru sahaja meramalkan musibah sahabatku? Apakah Asyif akan bertemu ajal? Apa pula nasib syarikat ini? Apakah ada kod rosak di dalam *app* ini?

Pelbagai pertanyaan berserabut di dalam sel-sel otaknya. Jiwa Shakir dikerudung serba salah dan kebingungan. *Aku harus menunda penerbangan Asyif secepat mungkin.* Gejolak jiwanya cuba memberikan arah haluan yang paling waras.

Dengan lekas beliau mencari nombor Asyif. Bunyi deringan mati. Dicubanya sekali lagi. Mati juga. *Ahh, rangkaian 4G lembab pula di saat-saat genting sebegini.* Shakir langsung mencari Mira, isterinya si Asyif. Ada bunyi deringan.

“Hello Mira, err.. Asyif, Asyif,... ada dengan awak sekarang?” suaranya gementar.

“Eh Shakir, Abang Asyif dah berlepas pun sejam yang lalu. Dah pun dalam kapalterbang,” Mira jawab ringkas.

Malay Short Story – 1st Prize
Mohammad Farihan Bin Bahron

Shakir kehilangan kata-kata. Dibiarkan panggilannya terhenti begitu sahaja. Bintang-bintang dua-belas bagaikan terhempas di atas kepalanya.

(Jumlah perkataan: 2,422)